



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 ( 23 )

Tarikh : 22 Januari 2021

**Semua Ketua Jabatan  
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN  
BIL. 1 TAHUN 2021: SENARAI SEMAK PEMANTAUAN (BULANAN) OPERASI PUSAT  
TANGGUNGJAWAB (PTJ), PEJABAT PEMUNGUT DAN PUSAT PEMBAYAR GAJI**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa jabatan ini telah mengambil inisiatif untuk menyediakan **Senarai Semak Pemantauan (Bulanan) Operasi Pusat Tanggungjawab, Pejabat Pemungut dan Pusat Pembayar Gaji**. Objektif penyediaan Senarai Semak Pemantauan ini adalah untuk memberi panduan kepada semua jabatan bagi memastikan operasi kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan dengan lancar, teratur serta dapat mengelakkan tindakan susulan dan peringatan oleh jabatan ini. Selain itu tindakan pelarasan atau pembetulan bagi kesilapan yang telah dikenalpasti di peringkat jabatan juga dapat dilaksanakan dengan segera sebelum penutupan akaun akhir tahun.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan hendaklah memastikan tindakan pemantauan secara bulanan dapat dilaksanakan berdasarkan Senarai Semak Pemantauan seperti di **Lampiran A dan B** yang dilampirkan. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MASAYU BINTI MUSTAFA c.A (M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan